



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	STATE-LEVEL FOOD SECURITY POLICY COMMITTEES ESTABLISHED - MAFI, THE EDGE MARKET -ONLINE MAFI FOCUSING ON OPTIMISING SABAH'S POTENTIAL AS AGROFOOD PRODUCTION HUB, KL SCREENER -ONLINE JAWATANKUASA DASAR SEKURITI MAKANAN PERINGKAT NEGERI DITUBUHKAN, ASTRO AWANI -ONLINE MAFI FOKUS POTENSI SABAH SEBAGAI HAB PENGELUARAN AGROMAKANAN, SH -ONLINE PETUGAS BARISAN HADAPAN DI SIBU TERUS DIHARGAI, SARAWAK VOICE -ONLINE 100,000 AHLI PELADANG PAHANG TERIMA KAD PINTAR, MALAYSIA GAZETTE - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7.	KENINGAU DIRANCANG JADI LEMBAH BUAH-BUAHAN SABAH TAHUN DEPAN, ASTRO AWANI -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI)
8. 9. 10. 11.	BERI KEBENARAN MADA JADI PENGELUAR BENIH SAH: MB KEDAH, SH -ONLINE MADA CADANG KERAJAAN CAMPUR TANGAN STABILKAN HARGA BAJA, RACUN, NEGERI KEDAH, SH -26 MOHON MADA JADI PENGELUAR BENIH SAH, SIDANG DUN KEDAH, SH -24 PETANI CENDERUNG PILIH VARIETI MR297, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	AGROBANK TO MAKE MODERN FARMING MORE ATTRACTIVE TO YOUTHS, NEWS, TAMIL MALAR -5	AGROBANK
13. 14. 15. 16.	NELAYAN DI PANTAI PUTERI DAKWA DISISIH, MENJELANG PRN MELAKA, SH -5 30 NELAYAN TERJEJAS, LOKAL, HM -22 PROMOSI TVET RENTASI KEMENTERIAN, HARAKAH DAILY -ONLINE 'BERSAMA BANGUNKAN SABAH, SARAWAK', BH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

State-level food security policy committees established – MAFI



PUTRAJAYA (Nov 15): The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) said that state-level Food Security Policy Committees have been set up in an effort to strengthen the country's food security.

MAFI said that the establishment of the committees was agreed in the states' agriculture executive councillors (excocs) joint meeting No. 1/ 2021, held virtually and chaired by Minister of Agriculture and Food Industries, Datuk

Seri Dr Ronald Kiandee, on Monday (Nov 15).

It said that collaborative efforts with the state governments would strengthen the country's agricultural sector through increased productivity, strengthening support systems and services as well as sustainable resource management.

The committees will be chaired by menteri besar, chief ministers or excocs in charge of agriculture, and managed by the State Economic Planning Unit, and their membership is also proposed to involve exco in charge of health, well-being or cost of living and environmental portfolios other than agriculture.

"These committees strengthen synergies in enhancing the resilience of the country's food system towards ensuring the continuity of adequate, safe, nutritious and affordable food supply to the people," MAFI said in a statement on Monday.

It also said that the establishment of the committees would serve as a catalyst for more efficient and sustainable resource management, as well as being complementary to the governance of the existing National Food Security Agenda.

They will also encourage investment and private sector involvement to enhance food security, drive economic growth and improve the well-being of the people, in line with the National Agrofood Policy 2021-2030 and the National Food Security Policy Action Plan, he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	KL SCREENER	ONLINE	

MAFI focusing on optimising Sabah's potential as agrofood production hub

KENINGAU (Nov 15): The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will continue focusing on optimising Sabah's potential as an agrofood output hub in ensuring sufficient food supply in the future.

Its deputy secretary-general (development) Datuk Badrul Hisham Mohd said this included the commitment to increasing the output of fruits and vegetables, besides boosting the cattle rearing and dairy milk industry, especially in Keningau to meet the domestic demand.

He said the effort could also assist in realising the ministry's intention of making Keningau as Sabah's valley of fruits, hence raising the productivity of the state's agrofood industry.

"Sabah, particularly Keningau, has a very good potential of expanding further the food supply programme. In Budget 2022, the government has agreed to provide an allocation of around RM120 million for the food security fund, revolving around food production activities.

"Sabah definitely cannot be left behind as almost two million acres of land have been allocated for agriculture. If we do not optimise this opportunity, it will be a big loss," he said when met by reporters here on Monday (Nov 15).

Badrul Hisham had earlier handed over a mock cheque for aid through the Rezeki Tani Programme for women entrepreneurs in Kampung Skim Pamalan Liawan here.

He said Keningau was also seen as having a high potential in pineapple cultivation due to the vast areas of fertile land and a suitable climate for the crop, besides Sabah's location of being close to China and Hong Kong.

Therefore, he said, the ministry through the Malaysia Pineapple Industry Board, was planning pineapple cultivation on a large scale in Sabah.

Badrul Hisham said Keningau was also suitable as a cattle meat industry area, hence supporting efforts to increase the domestic livestock food production as currently the self-sufficiency level of local meat supply was only around 23%.

"We also want to empower the farmers by increasing the participation of young farmers by incorporating the use of digital technology and mechanisation, which is in line with Industrial Revolution 4.0.

"The ministry will be looking at the whole ecosystem and Sabah's preparedness in opening up the state's potential as the country's major agrofood production hub.

"Hence, support from the Sabah government and the relevant agencies is vital in coordinating the objectives including providing the basic infrastructure to drive the state's agriculture development and easing marketing of the farmers' produce," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Peringkat Negeri ditubuhkan



MAFI berkata penubuhan jawatankuasa itu akan menjadi pemangkin kepada pengurusan sumber yang lebih cekap dan mampan serta menjadi pelengkap kepada tadbir urus Agenda Sekuriti Makanan Negara sedia ada.

PUTRAJAYA: Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Peringkat Negeri ditubuhkan dalam usaha memperkukuh sekuriti bekalan makanan negara, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Dalam satu kenyataan hari ini MAFI berkata penubuhan jawatankuasa itu dipersetujui dalam Mesyuarat Bersama Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 secara maya yang dipengerusikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang pada Isnin.

Menurutnya usaha kolaboratif dengan kerajaan negeri itu akan memperkasa sektor pertanian negara menerusi peningkatan produktiviti, pengukuhan sistem sokongan dan perkhidmatan serta pengurusan sumber secara mampan.

"Jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh menteri besar, ketua menteri atau exco pertanian dan Unit Perancang Ekonomi Negeri sebagai urus setia, manakala keanggotaan jawatankuasa itu turut dicadangkan agar melibatkan exco dalam portfolio kesihatan, kesejahteraan rakyat atau kos sara hidup dan alam sekitar, selain pertanian.

"Jawatankuasa ini mengukuhkan sinergi dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan negara ke arah menjamin kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan kepada rakyat," menurut kenyataan itu.

MAFI berkata penubuhan jawatankuasa itu akan menjadi pemangkin kepada pengurusan sumber yang lebih cekap dan mampan serta menjadi pelengkap kepada tadbir urus Agenda Sekuriti Makanan Negara sedia ada.

Jawatankuasa itu juga akan mengalakkan pelaburan dan penglibatan sektor swasta untuk meningkatkan sekuriti makanan, memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, menurut kementerian itu.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI fokus potensi Sabah sebagai hab pengeluaran agromakanan



MAFI akan terus memberi fokus ke arah mengoptimumkan lagi potensi Sabah sebagai hab pengeluaran agromakanan demi menjamin bekalan makanan pada masa hadapan. (Gambar hiasan) - Foto Bernama

KENINGAU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memberi fokus ke arah mengoptimumkan lagi potensi Sabah sebagai hab pengeluaran agromakanan demi menjamin bekalan makanan pada masa

hadapan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham Mohd berkata ini termasuk komitmen meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, selain memperkasa industri ternakan lembu dan lembu tenusu khususnya di Keningau bagi memenuhi permintaan dalam negara.

Menurutnya, usaha itu juga akan dapat membantu dalam merealisasikan hasrat kementerian untuk menjadikan Keningau sebagai lembah buah-buahan Sabah sekali gus meningkatkan produktiviti agromakanan negeri.

“Sabah khususnya Keningau sangat berpotensi untuk kita memperluaskan lagi program bekalan makanan. Dalam Bajet 2022, kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan sekitar RM120 juta bagi dana jaminan makanan dan keseluruhan daripada dana ini berkisar daripada aktiviti pengeluaran makanan.

“Sabah pastinya tidak boleh ditinggalkan kerana hampir dua juta ekar tanah di negeri ini sedia untuk ditanam (aktiviti penanaman). Jika kita tidak mengoptimumkan peluang ini maka ia satu kerugian besar,” katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Isnin.

Beliau menyerahkan replika cek bantuan menerusi Program Rezeki Tani kepada usahawan wanita di Kampung Skim Pamalan Liawan dekat sini.

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata Keningau juga dilihat berpotensi tinggi dalam penanaman nanas berikutan kawasan tanah luas, subur dan cuaca sesuai bagi tanaman itu, selain lokasi Sabah yang berdekatan dengan pasaran utama nanas iaitu China dan Hong Kong.

Justeru, katanya, kementerian menerusi Lembaga Industri Nanas Malaysia sedang merangka usaha untuk memperluas aktiviti penanaman nanas secara besar-besaran di Sabah.

Beliau berkata Keningau juga sesuai dijadikan sebagai kawasan penternakan lembu pedaging yang sekali gus dilihat dapat menyokong usaha meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan hasil ternakan dalam negara memandangkan ketika ini tahap sara diri bagi bekalan daging tempatan hanya sekitar 23 peratus.

“Kita juga mahu memperkasa golongan petani dengan menarik lebih ramai penyertaan para petani muda dengan menerapkan penggunaan teknologi digital dan mekanisasi seiring Revolusi Industri 4.0,” katanya.

Badrul Hisham berkata kementerian akan melihat secara keseluruhan ekosistem dan kesediaan Sabah dalam membuka potensi negeri itu sebagai hab pengeluaran agromakanan negara.

Sehubungan itu, sokongan daripada kerajaan Sabah dan agensi berkaitan amat penting bagi mengkoordinasikan matlamat berkenaan termasuk usaha menyediakan infrastruktur asas bagi memacu pembangunan pertanian negeri dan memudahkan para petani memasarkan produk, katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

Petugas barisan hadapan di SibU terus dihargai



di Ruang Legar, Kompleks Islam Sarawak SibU pada Isnin.

SIBU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meneruskan program pemberian 'Bakul Prihatin', kali ini kepada petugas barisan hadapan dari jabatan dan agensi di SibU.

Sumbangan tersebut diagihkan oleh Pejabat Residen dengan simbolik penyerahan disempurnakan Residen Bahagian SibU, Wong Hee Sieng bertempat

Program tersebut turut mendapat kerjasama semua jabatan dan agensi di bawah MAFI dengan melibatkan bersama rakan strategik di kalangan usahawan, penternak dan nelayan yang berminat untuk menyumbang di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka.

Sementara itu, Ketua Wilayah Perikanan (Pejabat Perikanan Laut Wilayah II SibU), Norasmah Mantali ketika ditemui media memberitahu pihaknya amat berbesar hati setelah menerima sumbangan dari Sarawak Fishing Vessel Association (SFVA) SibU.

Katannya, jumlah sumbangan untuk program 'Bakul Prihatin' MAFI adalah sebanyak RM8,375.

Dalam pada itu, Pengarah Hospital SibU, Dr. Nanthakumar Thirunavukkarasu pula menzahirkan penghargaan kepada pihak MAFI atas inisiatif membantu petugas barisan hadapan melalui program tersebut.

Tambahnya, bantuan tersebut juga akan disalurkan kepada pihak ATM yang bertugas di Hospital Medan.

Bagi Penolong Penguasa Bomba SibU, PPgB Ismuni Tepo, pihaknya amat menghargai sumbangan dari MAFI dalam membantu para petugas barisan hadapan.

Jelas beliau, tiada istilah 'work from home' bagi pihak Bomba dengan pihaknya sentiasa bersiap siaga menghulurkan bantuan setiap kali khidmat mereka diperlukan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

100,000 ahli Peladang Pahang terima kad pintar



Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Pahang, Dzulfadli Johan (kiri) pada Majlis Pelancaran SMART Card Peladang Peringkat Negeri Pahang di Pertubuhan Peladang Kawasan Bera, Pahang hari ini.

BERA – Seramai 100,000 ahli dari 22 Pertubuhan Peladang kawasan di Pahang bakal memanfaatkan penggunaan kad pintar Peladang (Peladang-i) bermula hari ini.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Pahang, Dzulfadli Johan berkata, penggunaan kad pintar berkenaan merupakan inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menjaga kebajikan ahli-ahli Peladang.



Sesi demonstrasi cara penggunaan kad Peladang-i kepada ahli peladang di Bera, Pahang hari ini.

“Menerusi kad tersebut, ia menggabungkan pelbagai fungsi termasuk sebagai debit kad dalam aktiviti simpanan dan kredit, subsidi dan takaful.

“Contoh, bantuan banjir serta bantuan penanam padi di Pekan dan Rompin misalnya akan dimasukkan terus ke dalam akaun lebih mudah bagi memastikan ahli mendapat bantuan segera.

“Penukaran kad Peladang dengan kerjasama Agro Bank secara percuma kepada ahli kepada kad debit dengan visa beserta identiti logo Peladang pada kad,” katanya.

Beliau berkata demikian Pelancaran SMART Card Peladang Peringkat Negeri Pahang di Pertubuhan Peladang Kawasan Bera, hari ini.

Dalam pada itu, sebanyak RM5 juta diperuntukkan kepada 920,678 ahli di seluruh Malaysia bagi menikmati manfaat perlindungan takaful menerusi Peladang-i.

Menerusi skim takaful itu, peserta menerima maafaat khairat kematian sebanyak RM5,000 kepada waris, manfaat kecacatan akibat kemalangan RM5,000, rawatan perubatan RM250 dan lain-lain.

Terdahulu MAFI telah melancarkan Smart Card Keluarga Peladang (LPP) pada 10 November 2021. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Keningau dirancang jadi Lembah Buah-Buahan Sabah tahun depan



Projek itu bakal direalisasikan melalui pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Apin-Apin, Keningau. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Jabatan Pertanian Sabah merancang menjadikan Keningau, Sabah sebagai Lembah Buah-buahan yang memberi fokus kepada tanaman pisang, lemon dan avokado bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan pertanian di negeri itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, projek itu bakal direalisasikan melalui pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Apin-Apin, Keningau yang dijadual siap tahun depan dengan peruntukan RM2.5 juta daripada kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Sabah akan meningkatkan keluasan kawasan TKPM di negeri ini dengan pewujudan empat TKPM iaitu TKPM Sg. Koyah, Kinabatangan Fasa 2, Limbuk Banggi Kudat dan Ulu Bole Sipitang serta dua mini TKPM iaitu mini TKPM Ulu Bongawan dan Serudong, Kalabakan.

"Peningkatan jumlah TKPM dalam tempoh 10 tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) dan RMK13 ini akan dapat meningkatkan potensi pengeluaran hasil tanaman di Sabah selaku hab pertanian serantau," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad menjawab soalan Datuk Mohd Azis Jamman (Warisan-Sepanggar) yang bertanyakan mengenai langkah diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mengoptimumkan potensi Sabah sebagai hab pertanian serantau.

Sementara itu, Ahmad berkata bagi meningkatkan pelaksanaan pertanian pintar di Sabah, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) melaksanakan pemindahan teknologi dalam pertanian moden seperti sistem penanaman secara fertigasi khususnya untuk tanaman rock melon, halia, cili, tomato dan tomato ceri kepada pegawai pengembangan, syarikat-syarikat swasta dan institut pengajian tinggi.

Bagi sektor ternakan pula, beliau berkata MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah berusaha melaksanakan pertanian pintar menerusi aplikasi teknologi dan kaedah penternakan terkini berteraskan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4).

"Antaranya dengan memperkenalkan sistem penternakan lembu secara integrasi di bawah perladangan kelapa sawit. Aplikasi teknologi moden seperti penggunaan tanda pengenalan Radio Frequency Identification (RFID) turut digunakan dalam sistem penternakan integrasi bagi meningkatkan kecekapan daya jejak dan pemantauan ternakan," katanya.

Beliau berkata selain itu, aktiviti penternakan lembu tenusu juga sedang berkembang pesat di Sabah sehingga menjadi antara negeri pengeluar utama susu segar di negara ini.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Beri kebenaran MADA jadi pengeluar benih sah: MB Kedah



Muhammad Sanusi

ALOR SETAR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta membenarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menjadi pengeluar benih padi sah.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, MADA sepatutnya menjadi pengeluar benih padi sah untuk kawasan MADA dan luar MADA

di Kedah.

Katanya, benih padi diperoleh daripada 12 syarikat diberikan hak sebagai pengeluar benih didapati dikutip di pelbagai lokasi dan pihaknya mendapati syarikat pengeluar benih terbabit juga tidak memiliki petak sawah untuk menghasilkan benih sendiri.

"Saya mohon MADA sendiri dibenarkan mengeluarkan benih padi, sekali gus boleh mengawal jumlah, kadar serta harga kerana banyak syarikat pengeluar yang diberi hak untuk mengeluarkan benih padi tidak memiliki petak sawah sendiri. Syarikat ini mengutip (benih padi) di merata tempat, sebagai contoh di Sijangkang, Selangor untuk menghasilkan benih padi, sedangkan tidak diketahui setakat mana tahap kualiti benih padi tersebut.

"Saya harap langkah-langkah ini segera diberi keputusan memandangkan MADA memiliki kawasan sawah dan petak, sekali gus mampu mengawal proses dari peringkat melepaskan air, menghasilkan benih dan menggunakan benih sesuai untuk cuaca dan tanah di Kedah," katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) ke 14, pada Isnin bagi menjawab soalan tambahan Datuk Amiruddin Hamzah (Pejuang-Anak Bukit) berhubung tindakan panjang boleh diambil kerajaan negeri bagi mengatasi masalah benih padi yang berlarutan sekian lama.

Tambah beliau, pihaknya berharap MADA boleh melaksanakan perkara tersebut dan MADA Corp diberi kuota pembekalan benih padi yang lebih besar.

"MAFI juga diharap dapat memastikan urusan pengeluaran benih padi dapat dikeluarkan daripada kawalan kartel yang begitu lama berleluasa dalam sektor pertanian, sekali gus berharap sektor berkaitan petani bebas dari cengkaman pihak tertentu," katanya.

Selain itu, Muhammad Sanusi memberitahu faktor menyebabkan berlaku kekurangan benih padi sah di pasaran yang seterusnya mengakibatkan kelewatan aktiviti tanaman padi adalah kecenderungan pesawah yang memilih sesuatu varieti (monovarieti) sahaja.

"Bagi musim 2/2021 penanaman padi, pesawah di Kawasan Muda didapati cenderung mendapatkan varieti MR 297 kerana persepsi memberi pulangan hasil yang tinggi berbanding varieti yang lain," katanya.

Muhammad Sanusi menegaskan benih padi di pasaran adalah mencukupi sekiranya tidak wujud kecenderungan monovarieti ini dan pesawah dinasihatkan memilih varieti selain daripada varieti MR 297 yang terdapat di pasaran bagi mengelakkan kesan monovarieti selain kelewatan penanaman.

Beliau menjelaskan penanaman padi secara monovarieti adalah tidak digalakkan kerana akan mendedahkan kepada serangan perosak dan penyakit dalam skala yang besar, serta dikhuatiri menjejaskan hasil penanaman padi pesawah.

Katanya, pelbagai langkah dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi isu benih padi termasuk penetapan dasar yang berkesan bagi mengurangkan implikasi pembekalan benih padi sah setiap musim.

"Pada tahun 2021, kerajaan melalui MAFI melantik 12 pengeluar benih dan 13 pemborong untuk menambahbaik aspek pengeluaran, pengedaran, pengagihan dan pemasaran benih padi sah.

"Selain itu, penetapan harga siling benih padi sah kepada RM35 di peringkat peruncitan bagi satu beg telah dibuat bagi mengawal manipulasi harga benih padi di pasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	26

MADA cadang kerajaan campur tangan stabilkan harga baja, racun

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) meminta kerajaan menimbang langkah intervensi menstabilkan harga baja dan racun khususnya bagi sektor penanaman padi atas dasar sekuriti makanan negara.

Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, campur tangan kerajaan dilihat mampu membantu petani serta pengusaha kecil yang berhadapan isu kenaikan harga mendadak baja dan racun.

"MADA melihat langkah penting ini perlu bagi membantu peladang menguruskan kos operasi perladangan berada di tahap yang optimum dan boleh memberi keuntungan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi menyambut baik langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menubuhkan

Jawatankuasa Bersama Berkenaan Isu Kenaikan Harga Baja dan Racun.

"MADA juga mencadangkan peladang mengadakan aptasi Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB) pengurusan sawah padi dengan mengamalkan kawalan perosak dan penyakit berdasarkan penentuan tahap ambang ekonomi (*Economic Threshold Level-ETL*).

"Peladang boleh merujuk 945 lokasi bendera amaran pengawasan dan ramalan bagi menentukan tahap kehadiran perosak dan penyakit.

"Amalan penggunaan racun secara intensif dan berjadual tanpa mengira kehadiran perosak dan penyakit di petak sawah boleh menyebabkan pembaziran racun kimia dan meningkatkan kos operasi ladang," ujarnya.



AHMAD TARMIZI

Tambah beliau, sehingga kini seluas 100,685 hektar sawah padi di Kawasan Muda yang diuruskan oleh 57,635 peladang yang menyumbang secara purata kepada 40 peratus pengeluaran padi negara.

Pada Sabtu, media melaporkan kerajaan melalui MAFI dan KPDNHEP telah menubuhkan jawatankuasa bersama bagi menangani isu kenaikan harga baja dan racun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataan bersama menjelaskan, ia sebahagian usaha bersepadu untuk meneliti cadangan tindakan dan kaedah penyelesaian bagi masalah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SINAR HARIAN	SIDANG DUN KEDAH	24

MADA miliki kawasan sawah, mampu hasilkan benih sesuai untuk cuaca dan tanah di Kedah

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta membenarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menjadi pengeluar benih padi sah.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, MADA sepatutnya menjadi pengeluar benih padi sah untuk kawasan MADA dan luar MADA di Kedah.

"Saya mohon MADA sendiri dibenarkan mengeluarkan benih padi kerana

Mohon MADA jadi pengeluar benih sah



MUHAMMAD SANUSI

banyak syarikat pengeluar yang diberi hak untuk mengeluarkan benih padi tidak memiliki petak sawah sendiri. Syarikat ini mengutip (benih padi) di merata tempat, sebagai contoh di Sijangkang, Selangor untuk menghasilkan

benih padi, sedangkan tidak diketahui setakat mana tahap kualiti benih padi tersebut.

"Saya harap langkah-langkah ini segera diberi keputusan memandangkan MADA memiliki kawasan sawah dan petak, sekali gus mampu mengawal proses dari peringkat melepaskan air, menghasilkan benih dan menggunakan benih sesuai untuk cuaca dan tanah di Kedah," katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) ke 14, pada Isnin bagi menjawab soalan tambahan Datuk Amiruddin Hamzah (Pejuang-Anak Bukit) berhubung tindakan jangka panjang boleh diambil kerajaan negeri bagi mengatasi masalah benih padi yang berlarutan sekian lama.

Tambah beliau, pihaknya berharap MADA boleh melaksanakan perkara tersebut dan MADA Corp diberi kuota pembekalan benih padi yang lebih besar.

"MAFI juga diharap dapat memastikan urusan pengeluaran benih padi dapat dikeluarkan daripada kawalan kartel yang begitu lama berleluasa dalam sektor pertanian, sekali gus berharap sektor berkaitan petani bebas daripada cengkaman pihak tertentu," katanya.

Katanya, pelbagai langkah dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi isu benih padi termasuk penetapan dasar yang berkesan bagi mengurangkan implikasi pembekalan benih padi sah setiap musim.

16/11/2021

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Petani cenderung pilih varieti MR297

ALOR SETAR: Kecenderungan pesawah di negeri ini memilih sesuatu varieti benih padi menyebabkan berlaku kekurangan benih padi sah di pasaran sehingga menyebabkan kelewatan aktiviti penanaman padi pada musim ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) didapati cenderung mendapatkan varieti MR297 kerana persepsi memberi pulangan hasil tinggi berbanding varieti lain.

Menurutnya, secara umumnya, benih padi di pasaran adalah mencukupi sekiranya tidak wujud kecenderungan monovarieti tersebut.

"Penanaman padi secara monovarieti adalah tidak digalakkan kerana akan mendedahkan kepada serangan perosak dan penyakit dalam skala yang besar.

"Keadaan ini dikuatiri akan menjejaskan hasil penanaman padi pesawah, justeru, pesawah adalah dinasihatkan untuk memilih varieti selain daripada varieti MR297 yang terdapat di pasaran bagi mengelakkan kesan monovarieti selain kelewatan penanaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan bertulis daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Anak Bukit, Datuk Amuruddin Hamzah pada



MUHAMMAD SANUSI MD. NOR

Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah di Wisma Darul Aman di sini semalam.

Muhammad Sanusi berkata, beberapa langkah telah dilakukan untuk mengatasi isu berkaitan benih padi dengan penetapan dasar yang berkesan bagi mengurangkan implikasi pembekalan benih padi sah pada setiap musim.

Jelasnya, antara langkah tersebut, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makaman (MAFI) melantik 12 pengeluar benih dan 13 pemborong untuk menambah baik aspek pengeluaran, pengedaran, pengagihan dan pemasaran hasil benih padi sah bermula tahun ini.

Selain itu, katanya, kerajaan juga menetapkan harga siling benih padi sah kepada RM35 seguni (20 kilogram) di pening-

kat peruncitan bagi mengawal manipulasi harga benih padi di pasaran.

"Kerajaan melalui Babagian Kawal Selia Padi Beras dan agensi MADA pula melaksanakan

"Pemantauan secara berkala

turut dilaksanakan di peringkat pengeluar dan pemborong, makmal pemprosesan dan lokalti atau Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) oleh pihak MADA," ujarnya.

Headline	Agrobank to make modern farming more attractive to youths		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	16 Nov 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,320



விவசாயத்துறையில் இளைஞர்களை ஈர்க்க அக்ரோபேங்க் திட்டம்

கோலாலம்பூர், நவ. 16-

ரிம.50 பில்லியன் மதிப்புள்ள கோதுமை மற்றும் சோளம் ஆகியவற்றை இறக்குமதி செய்து வரும் மலேசிய விவசாயத்துறையில் இளைஞர்களை ஈர்க்க அக்ரோபேங்க் முன்வந்துள்ளது. இதிலும் மலேசியா தற்போது நவீன விவசாயத்துறையில் இளைஞர்களின் பங்கை அதிகரிக்க பல திட்டங்களை வகுத்து வருவதாகவும் அக்ரோபேங்க் நேற்று ஓர் அறிக்கையில் கூறியது.

“நாட்டில் உணவுப் பாதுகாப்பை மேம்படுத்துவதில் மலேசியா



இளம் விவசாய முனைவோருக்கு ரிம.23 பில்லியனை நிதியுதவியாக வழங்கியது. 2019 ஆம் ஆண்டில் இத்திட்டத்தின் கீழ் மொத்தம் 764 இளம் விவசாயிகளுக்கு ரிம.13.7 பில்லியன் நிதியுதவியாக வழங்கப்பட்டது என்பது குறிப்பிடத்தக்கது.

இத்திட்டத்தின் கீழ் வழங்கப்படும் நிதியானது இளம் விவசாய தொழில்முனைவோர்கள் அவர்களின் தொழிலை தொடர உதவுவது மட்டுமல்லாமல், இத்திட்டத்தின் மூலம் தொழில்நுட்ப ஆலோசனை, பயிற்சி மற்றும் பிற தொடர்புடைய திறன் பயிற்சிகளையும் வழங்க அக்ரோபேங்க் திட்டமிட்டுள்ளது.

“இளைஞர்கள் இத்துறையின் முக்கியத்துவத்தை விரைவில் புரிந்துக் கொள்வார்கள். விவசாயத்தை அவர்களின் விருப்பமான தேர்வாகவும் குடும்ப வணிகமாக மாற்றுவார்கள் என்று நாங்கள் நம்புகின்றோம்.

“இளைஞர்களுக்கிடையே விவசாயத்துறையின் முக்கியத்துவத்தை அதிகரிக்க அக்ரோபேங்க் பல தனியார் நிறுவனங்களுடன் நெருக்கமாக பணியாற்றி வருகின்றது” என்று அவர் தெரிவித்தார்.



தலைநிமிர்ந்து நிற்கின்றது. இருப்பினும், இத்துறையில் இளைஞர்களின் பங்கு குறைவாக உள்ளது. குறிப்பாக, இத்துறையில் குறைந்த வருமானம் இருப்பதால் பல இளைஞர்கள் இத்துறையில் நாட்டம் செலுத்துவதில்லை” என்று அவர் அந்த அறிக்கையில் கூறினார்.

2030 ஆம் ஆண்டுக்குள் இளைஞர்கள் அதிகளவில் இந்தத்

தொழிலில் ஈடுபட வேண்டும் என்று அக்ரோபேங்க் கருதுவதாக அக்ரோபேங்கின் தலைமை செயல் அதிகாரி கதீஜா இஸ்கண்டார் கூறினார்.

விவசாயத்துறையில் இளைஞர்களை ஈர்க்கும் முயற்சியில் கடந்த ஆண்டு அக்ரோபேங்க் Agrobank's Agropreneur Muda (PAM) எனும் திட்டத்தின் கீழ் 1,159

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	SINAR HARIAN	MENJELANG PRN MELAKA	5

Nelayan di Pantai Puteri dakwa tersisih

MELAKA - Hampir 100 nelayan berdaftar di sekitar Pantai Puteri di sini mendakwa nasib mereka tidak dibela dalam isu korek pasir dan kapal berlabuh di tempat mereka mencari rezeki.



AZMI

Ketua Jaringan Nelayan Pantai Puteri, Azmi Leman, 53, berkata, nelayan tidak menolak pembangunan tetapi berasa kecewa apabila hak nelayan diketepikan.

"Tiada siapa berani bela nasib nelayan. Siapa sebenarnya berada di laut terlebih dahulu, nelayan atau kapal besar itu? Mengapa nelayan pula yang menjadi mangsa," katanya.


Tambah Azmi, seharusnya setiap projek pembangunan dan pembinaan dijalankan, perbincangan perlu diadakan bersama nelayan supaya nasib mereka tidak terabai.

"Sekurang-kurangnya beri peluang kepada nelayan untuk membuat pilihan. Contoh tawaran A iaitu pampasan RM100,000 dengan syarat tidak boleh turun ke laut seumur hidup atau tawaran B RM50,000 iaitu nelayan boleh turun ke laut dengan syarat tertentu namun segala kerosakan ditanggung sendiri. Jadi, nelayan boleh buat pilihan.

"Tetapi apa yang berlaku sekarang, bukan hanya menjejaskan periuk nasi nelayan, sumber tangkapan nelayan semakin berkurangan. Sampai bila masalah ini hendak selesai," katanya.

Bagi Sajahan Mohamed, 64, pula, tidak mustahil Pantai Puteri akan berlumpur sekiranya kerja korek pasir diteruskan dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

"Kami bimbang kesan kepada benih udang, sukar membiak hingga akhirnya pupus," katanya.



HAKISAN mengakibatkan tebing setinggi satu meter terbentuk menyebabkan bot nelayan sukar diturunkan dari pangkalan ke pantai dan ketika dinaikkan.

HAKISAN PANTAI PUTERI

30 nelayan terjejas

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Melaka

Kira-kira 30 nelayan di pinggir pantai di pangkalan nelayan Kampung Pantai Jaring, Pantai Puteri di sini berdepan kesukaran untuk turun ke laut akibat masalah hakisan pantai yang serius sejak bulan lalu.

Tinjauan mendapati pangkalan yang menempatkan 13 bot gentian kaca dan stor menyimpan peralatan menangkap ikan berada pada jarak hanya satu meter dari pantai.

Nelayan, Ali Zainol, 59, berkata, fenomena alam itu menyebabkan tebing setinggi satu meter terbentuk menyebabkan bot nelayan sukar untuk diturunkan dari pangkalan ke pantai dan ketika dinaikkan.

"Kejadian ribut barat mu-



KEADAAN hakisan yang mengancam pangkalan nelayan Kampung Pantai Jaring, Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR

lai Ogos lalu diburukkan lagi dengan angin selatan yang mengakibatkan hakisan pantai di kawasan ini.

"Perairan di sini juga iaitu kira-kira lima batu nautika dari pantai sudah lama menjadi lokasi mengorek pasir dasar laut untuk menambak pantai di Klebang dan Bandar Hilir," katanya.

Seorang lagi nelayan, Mohd Yaakob Yahya, 48, ber-

kata, benteng pemecah ombak atau *groyne* sepanjang 50 meter yang dibina di pantai berhampiran Kampung Pantai Rokbang juga sudah berlubang.

"Air masuk dari bawah batu *groyne* dan menarik pasir ke bawah, sekali gus dikhuatiri membahayakan pengujung jika terjatuh dalam lubang yang tidak kelihatan pada mata kasar.

"Sehubungan itu, saya minta calon yang memenangi Dewan Undangan Negeri (Ddn) Pantai Kundor mengambil tindakan segera memohon peruntukan membina struktur yang mampu mengelakkan hakisan," katanya.

Sebelum ini, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Hakim Hamzah dilaporkan berkata, kerajaan memperuntukkan RM9.4 juta bagi menjalankan kerja pembaikan pantai akibat hakisan di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin pada tahun ini.

Daerah Melaka Tengah membabitkan Pantai Puteri manakala di Alor Gajah pantai di Kuala Linggi, Kampung Tengah, Kampung Hilir, Kampung Telok Gong dan Tanjung Bidara.

Di daerah Jasin pula, Pantai Siring dan Serkam. Semua kawasan itu membabitkan kerja pembinaan benteng pemecah ombak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Promosi TVET rentasi kementerian



KUALA LUMPUR: Usaha menjadikan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) pertanian sebagai satu pilihan golongan remaja bukan hanya melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tetapi turut melibatkan kementerian lain.

Timbalan Menteri Pendidikan 2, Dato' Mohamad Alamin berkata,

sebagai contohnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai badan pemasaran pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), sudah dimasukkan mediumnya ke dalam Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Kolej Universiti Islam Pahang.

Malah katanya, di peringkat sekolah juga disediakan beberapa modul khusus untuk sektor pertanian.

“Ini adalah usaha kita tetapi banyak lagi kementerian lain juga menjalankan usaha yang sama. Saya yakin dengan usaha-usaha yang ada ini akan mampu untuk mengangkat sektor pertanian menjadi salah satu yang diminati oleh golongan anak-anak muda pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Dato' Salim Sharif (BN-Jempol) yang meminta menyatakan perancangan kementerian untuk remajakan pendidikan vokasional pertanian di peringkat sekolah supaya selaras dengan perkembangan teknologi semasa di Dewan Rakyat pada hari ini.

Dalam pada itu Mohamad berkata, KPM turut melaksanakan aktiviti jerayawara dan hebahan di seluruh negara, menggiatkan program kesedaran dan jangkauan serta kempen bersama pelbagai pihak untuk mempromosikan TVET sebagai pilihan utama.

“Antara strategi yang telah dilaksanakan adalah seperti mempromosi kejayaan lepasan TVET KPM dalam bidang pekerjaan atau yang telah menjadi usahawan berpendapatan tinggi melalui pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan YouTube serta media cetak dan elektronik,” katanya. – HARAKHDAILY 15/11/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

'Bersama bangunkan Sabah, Sarawak'



KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen diminta supaya tidak saling menuding jari berhubung isu pembangunan di Sabah dan Sarawak sehingga boleh menggugat keamanan dan kestabilan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata semua pihak perlu bekerjasama supaya agenda merapatkan jurang perbezaan antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung dapat direalisasikan.

Sejak Sabah dan Sarawak membentuk sebahagian daripada Malaysia, katanya, hak-hak istimewa bagi kedua-dua negeri itu sentiasa terpelihara seperti diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

"Saya ingin menegaskan, kerajaan Persekutuan sentiasa komited dalam memastikan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), dilaksanakan menerusi penubuhan Majlis Khas Mengenai MA63 yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

"Sudah pasti pelaksanaan perkara-perkara yang dibincangkan di bawah majlis khas berkenaan memerlukan masa untuk dilaksanakan dan menuntut kesabaran.

"Ia juga dikendalikan melalui pendekatan yang harmoni sebagai Keluarga Malaysia," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022 peringkat dasar di Dewan Rakyat hari ini.

Ongkili berkata, Majlis Khas Mengenai MA63 sebelum ini bersetuju Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 yang antara lain bertujuan meminda Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan mengenai tafsiran 'Persekutuan', dibawa ke pertimbangan Jemaah Menteri.

Katanya, ia dibentang untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 3 November lalu.

Selain itu, katanya, majlis khas berkenaan turut bersetuju supaya inisiatif pemeraksanaan pelesenan perikanan laut dalam dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada Jabatan Perikanan Sabah, susulan tuntutan kerajaan negeri berkaitan perkara penangkapan ikan, perikanan laut dan muara.

"Inisiatif ini dijangka selesai dilaksanakan selewat-lewatnya Disember tahun ini.

"Majlis khas juga bersetuju supaya inisiatif pemeraksanaan ini diperluaskan kepada Jabatan Perikanan Laut Sarawak atas permintaan kerajaan negeri itu ketika mesyuarat berlangsung," katanya. –

BERNAMA